

27/05/2000

Umat Islam perlu bersatu: PM

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam bersatu padu untuk muncul sebagai bangsa yang maju dan kuat pada alaf ini.

Perdana Menteri berkata, perpaduan yang perlu dipupuk bukan setakat di kalangan umat Islam negara ini, tetapi membabitkan masyarakat Islam seluruh dunia.

"Kita mahu umat seluruh dunia bersatu padu bagi mempertahankan diri daripada penindasan pihak lain, terutama pihak yang mengakui berkuasa besar," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini masyarakat Islam di beberapa negara ditindas kerana mereka lemah dan tidak bersatu padu, seperti di Sri Lanka, Bosnia, Iran dan Iraq.

"Mereka tertindas walaupun ingin hidup sebagai bangsa merdeka dan bebas, tetapi mereka tidak berkuasa. Hakikatnya masyarakat Islam negara itu tidak merdeka seperti di negara kita," katanya ketika berucap selepas solat Jumaat di Masjid Caruk Mokkan, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri juga meminta masyarakat Islam menggunakan masjid bukan saja sebagai tempat beribadat, malah berkumpul dan berbincang ke arah menolak keburukan dan mencari kebaikan.

"Masjid wajar dijadikan tempat menjalin umat Islam bersatu padu untuk mempertahankan kedudukan kita sebagai bangsa yang bertamadun tinggi," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), di sini, Dr Mahathir berkata kegawatan ekonomi di Malaysia berjaya dipulihkan sepenuhnya berbanding negara lain yang mendapat bantuan kewangan pelbagai negara dan badan dunia.

"Ini kerana kita masih banyak duit, termasuk RM160 bilion wang Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP).

"Kita akan guna wang itu bila mustahak, termasuk wang dalam Tabung Haji," katanya.

Terdahulu, di majlis perjumpaan dengan anggota komponen Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu, di dewan Jitra, Perdana Menteri berkata, kekurangan undi Umno dan BN pada pilihan raya lalu adalah kerana ramai pengundi, terutama Melayu terpengaruh dengan fitnah dan pembohongan pembangkang.

"Antara pembohongan dan fitnah ialah kononnya saya tak boleh buat kerja haji kerana sakit dan saya hina Nabi dalam perhimpunan agung Umno baru lalu.

"Kalau hina Nabi, saya yakin orang Umno akan boo saya. Itulah cara parti lawan, depa suka bangkit perasaan benci dan marah pada saya untuk mereka meraih lebih banyak undi," katanya.

(END)